

18 JUN 2003

Umno-Hishammuddin (Kelantan)

KELANTAN DAN TERENGGANU DAPAT TUMPUAN KHAS PEMUDA UMNO

KUALA LUMPUR, 18 Jun (Bernama) -- Kelantan dan Terengganu yang kini di bawah pemerintahan PAS adalah antara dua buah negeri yang bakal mendapat tumpuan khas daripada Pergerakan Pemuda Umno.

Ketuanya Datuk Hishammuddin Tun Hussein berkata selepas berakhirnya perhimpunan agung pergerakan itu hari ini, kepimpinan Pemuda Umno di kedua-dua negeri itu akan diminta mengadakan perbincangan dengan Pemuda pusat bagi menyusun strategi paling sesuai untuk mencerahkan peluang Umno memenangi pilihan raya di Kelantan dan Terengganu.

"Saya yakin kita mampu bantu kedua-dua negeri itu. Sama ada kita menang atau tidak bergantung kepada persiapan kita tetapi saya yakin bila tiba pilihan raya, jentera Pemuda akan berfungsi penuh," katanya kepada pemberita selepas menggulung perbahasan usul sempena persidangan perhimpunan Agung Pergerakan Pemuda Umno di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini.

Persidangan itu berakhir petang ini selepas dirasmikan pembukaannya oleh Timbalan Presiden Umno Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi semalam.

Hishammuddin berkata bagi menghadapi pilihan raya umum akan datang, Pemuda Umno akan bergerak sebagai satu keluarga besar yang mempunyai satu agenda utama.

Menurutnya pada peringkat awal, Pemuda akan mengenal pasti segala kelemahan yang ada pada jenteranya sebelum mengatasinya menerusi tiga langkah melibatkan penyelesaian jangka pendek, pertengahan dan jangka masa panjang.

Ditanya mengenai proses peralihan kuasa kepimpinan Umno apabila Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meletak jawatan sebagai presiden parti Oktober ini, Hishammuddin berkata Pemuda yakin semua anggota pergerakan itu dapat menerima perkara itu.

"Saya tidak khuatir langsung kerana daripada mood dan perbincangan hari ini (semasa persidangan) dan semangat sekurang-kurangnya di peringkat Pemuda, kita tidak akan timbulkan apa-apa masalah untuk pucuk pimpinan parti kita," katanya.

-- BERNAMA

RAR KHY MOZ